

12/10/2003

Ibrahim Bachik terima anugerah Datuk

PENGGUBAH lagu klasik dan penyajak tanah air, Ibrahim Bachik menerima darjah kebesaran yang membawa gelaran Datuk dari Kerajaan Melaka sempena Keputeraan Yang di-Pertuan Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabuddin ke-78, semalam.

Anak kelahiran Melaka pada 1 Jun 1939 itu mencipta kira-kira 500 lagu termasuk lagu patriotik, kanak-kanak dan lagu dari sajak, drama televisyen, filem dan korporat.

Ibrahim, 64, bersara wajib pada 1995 dari perkhidmatan di Radio Televisyen Malaysia (RTM) sebagai penerbit rancangan hiburan dan bertanggungjawab mengendalikan Koir RTM.

Selepas persaraan, beliau masih aktif dalam kegiatan seni seperti mencipta dan mengubah sajak serta lagu berjudul 'Patah Tumbuh Hilang Berganti' untuk rancangan Puisi Angkasapuri 2003, manakala pada program sama tahun lalu beliau mengubah lagu dari sajak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertajuk 'Robohnya Kota Melaka Kita Dirikan Putra Jaya dan mencipta lagu dari sajak bertajuk 'Bicara Dengan Teman Lama' karya Tan Sri Samad Ismail dan sajak karya Dr Mahathir iaitu 'Melayu Mudah Lupa' pada 2001.

Pengalaman luas dalam bidang seni membolehkan beliau diberi kepercayaan untuk melatih dan memimpin Koir Perhimpunan Agung Umno sejak 1984 hingga 1999.

Tokoh seni ini pernah memenangi beberapa pertandingan sejak 1955 dalam pelbagai kategori termasuk langam dan sariosa, selain mendalami teknik penciptaan lagu semasa menjadi ahli Kumpulan Empat Serama bersama Datuk Ahmad Daud pada 1958.

Beberapa lagu ciptaan beliau turut dirakamkan seperti 'Disebut Jangan Dikenang Jangan' dan 'Kenangan Di Rantau Abang' nyanyian Datin Rafeah Buang, 'Dikau Sumber Ilhamku' dan Doa Ikhlas Merda Tangisan nyanyian Ahmad Jais dan 'Tak Seindah Wajah' nyanyian Tan Sri S M Salim.

Pada 1984, beliau diumumkan sebagai pemenang ciptaan lagu terbaik Festival Filem ke-4 untuk filem 'Bila Hati Telah Retak' terbitan Filem Negara Malaysia.